

MGCC laksana transformasi agar Malaysia kekal sebagai destinasi perniagaan pilihan



21/12/2021 02:47 PM

Oleh S. Kisho Kumari

KUALA LUMPUR, 21 Dis -- Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) telah melaksanakan transformasi besar-besaran sejak pandemik COVID-19 melanda pada Januari 2020, dan sentiasa peka dengan normal baharu ini untuk terus berkhidmat kepada ahli dan pelanggannya.

Tinjauan prospek perniagaan baru-baru ini oleh Persatuan Dewan Perdagangan Jerman iaitu organisasi payung global bagi semua dewan perniagaan Jerman, mendedahkan Malaysia kekal sebagai destinasi perniagaan pilihan untuk pelabur Jerman, walaupun terdapat pergolakan yang disebabkan oleh pandemik.

Ketua Pegawai Eksekutif Daniel Bernbeck berkata pandemik itu membawa beberapa cabaran yang belum pernah berlaku sebelum ini, justeru, MGCC harus segera menyesuaikan diri dengan normal baharu untuk membantu ahli mengekalkan perniagaan mereka.

Beliau berkata MGCC perlu mengambil langkah drastik dengan menulis surat (confidential) terus kepada Pejabat Perdana Menteri untuk menyampaikan kebimbangan dan kesukaran syarikat ahli-ahlinya mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan dan beberapa set Prosedur Operasi Standard (SOP).

"Sentimen itu turut disuarakan oleh Dewan Perniagaan lain dan ia mendapat sokongan luar biasa daripada peserta industri.

"Kami merasakan kebimbangan kami dan ahli-ahli kami adalah wajar untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing sebagai destinasi perniagaan," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Bernbeck seterusnya berkata bahawa dewan itu sangat berterima kasih kepada kerajaan atas tindak balas positif dan usahanya untuk menangani isu yang melanda industri.

"Kerajaan bertindak segera dengan menambah baik SOP bagi sektor pembuatan, menyelesaikan isu visa dan membuka semula ekonomi secara berperingkat melalui Pelan Pemulihan Negara," katanya.

Beliau menjelaskan normal baharu telah mendorong dewan beralih ke acara dalam talian, mengadakan siri podcast baharu dan perkhidmatan untuk membantu syarikat yang terjejas oleh PKP, serta mewujudkan "war room" bagi menyediakan maklumat terkini dan segera kepada ahli mengenai dasar dan SOP melalui emel dan laman web.

"Kami memperkenalkan polisi kerja dari rumah dan merombak aliran kerja agar berjalan sepenuhnya secara digital supaya kakitangan kami boleh bekerja dengan selamat dan selesa di rumah masing-masing. Kami juga memulakan proses transformasi dalaman dengan menstruktur semula jabatan dan mewujudkan kumpulan kerja dalaman untuk melaksanakan visi dan misi, sumber manusia, kepimpinan, produk dan perkhidmatan MGCC," katanya.

Bernbeck juga berbangga menyatakan bahawa MGCC berjaya mendapat sokongan kepentingan ahlinya melalui pelbagai usaha sokongan secara langsung atau bekerjasama dengan Dewan Perniagaan lain di Malaysia.

"Pada hari ini, MGCC tidak lagi sama seperti ketika awal Januari 2020. Kini, kami bekerja dengan fleksibel secara hibrid dari rumah atau pejabat, sesuatu perkara yang tidak dijangka berlaku dua tahun lepas," katanya.

Katanya transformasi ini telah berterusan sehingga 2021 dengan memberikan lebih banyak perkhidmatan, kakitangan, dan idea baharu dan inovatif melalui pelbagai inisiatif termasuk pendekatan diperibadikan untuk membantu ahli.

Baru-baru ini, MGCC telah menyambut ulang tahun ke-30 secara maya pada 17 Nov yang dihadiri lebih 200 orang dengan membuat penghantaran awal makanan ke rumah mereka, selain dihiburkan dengan persembahan Orkestra Filharmonik Malaysia ketika acara itu. "Kami berharap dalam perjalanan menuju ulang tahun ke-40, kami akan berkembang menjadi penyokong yang lebih baik, penyedia penyelesaian dan platform rangkaian kepada ahli dan pelanggan," kata Bernbeck.

Beliau juga optimis menyatakan bahawa dewan itu meramalkan unjuran yang positif pada 2022, seiring dengan jangkaan pemulihan ekonomi dan fasa endemik penularan COVID-19.

Ditubuhkan pada 1991, MGCC adalah wakil rasmi ekonomi Jerman di Malaysia yang mempunyai hubungan baik daripada kerajaan dan pihak berkuasa terhadap agensi, organisasi perniagaan dan industri di kedua-dua negara.

Dewan itu turut menawarkan platform untuk berkongsi pengetahuan dan bertukar-tukar pendapat di pelbagai forum dan acara, selain mewujudkan hubungan perniagaan dalam rangkaiannya.

Ia mewakili kepentingan hampir 400 ahli dan sebahagian daripada rangkaian global Dewan Perniagaan Jerman di Luar Negara (rangkaiannya AHK) yang mempunyai 140 pejabat di 92 negara buat masa ini.

Beberapa kejayaan penting telah dicapai dalam tempoh beberapa tahun termasuk pembukaan Pusat Perniagaan Jerman di Kuala Lumpur untuk menyokong syarikat yang menyertai pasaran Malaysia melalui perkhidmatan inkubator pada 2010 dan menyumbang kepada penubuhan German-Malaysian Institute (GMI) pada 1992 bagi meningkatkan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional di Malaysia.

Ia turut mewujudkan portfolio perkhidmatan yang menyeluruh di bawah jenama DEinternational pada 2006 yang kini menawarkan 28 perkhidmatan berteraskan pelanggan kepada ahli dan pelanggannya.

-- BERNAMA